

PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP KECEMERLANGAN
AKADEMIK PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN
PEMBUATAN SERTA PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI
UTHM

HASMAH BINTI IBERAHIM

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2014

Abstra

Kecemerlangan akademik pelajar penting untuk melahirkan pelajar yang baik dari segi berilmu, berketerampilan dan berwibawa. Tahap pencapaian yang cemerlang diukur melalui beberapa faktor penilaian iaitu, ujian, kuiz, pembentangan, tugas, projek dan amali serta penilaian ini akan menjadi pengukur kepada tahap kecemerlangan pelajar.

Kajian ini dilakukan untuk melihat pengaruh faktor persekitaran yang paling dominan, elemen faktor persekitaran yang paling dominan dan perbezaan antara setiap faktor persekitaran yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif iaitu menggunakan set borang soal selidik sebagai instrument dalam kajian. Kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 16.0 menentukan hasil dapatan dalam analisis data. Kajian ini akan dijalankan di dua buah iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Penyelidik telah memilih pelajar Ijazah Sarjana Muda tahun empat 2013/2014 yang mengambil program ijazah Sarjana Muda kerja khusus sepenuh masa. Kajian penyelidikan ini hanya menumpukan kepada pengaruh yang berkaitan dengan faktor persekitaran seperti pengaruh faktor persekitaran kemahiran, pensyarah, rakan sebaya, pengurusan kelas dan persekitaran kelas yang mana responden dipilih menggunakan sampel bertujuan dan secara rawak. Seramai 285 sampel digunakan untuk kajian ini. Pengaruh faktor persekitaran yang paling dominan adalah faktor kemahiran, elemen faktor persekitaran kemahiran yang paling tinggi ialah pelajar dikedua-dua buah fakulti kejuruteraan ini berpendapat bahawa kemahiran menggunakan bahan rujukan di internet sangat penting untuk mencari bahan pembelajaran secara cepat dan relevan manakala perbezaan terhadap lima faktor persekitaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain.

Abstract

Academic excellence important to have good students in terms of knowledgeable, competent and credible. The level of achievement is measured by several factors, namely assessment, tests, quizzes, presentations, assignments, projects and practical training and assessment will be a measure of the level of excellence of students. This study was conducted to determine the influence of environmental factors the most dominant element of the dominant environmental factors and the differences between each of the environmental factors that influence students' academic excellence. Design research is descriptive quantitative method using questionnaire as a research instrument in the study. This study uses the software Statistical Package For Social Science (SPSS) version 16.0 to determine the findings in the analysis of data . This study will be conducted in two of the Faculty of Mechanical and Manufacturing Engineering, and the Faculty of Electrical Engineering at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Researchers have chosen degree student four years 2013/2014 to take the Bachelor's degree program dedicated full time job . This research only focuses on the influence of environmental factors related to the influence of environmental factors such as skill , lecturers , peers, classroom management and classroom environment in which respondents were selected using random sampling and intended . A total of 285 samples used in this study . The influence of environmental factors is the most dominant factor skills , elements of environmental factors is the highest skills of students at both faculties of engineering that is the skills to use reference material on the internet is very important to find learning materials in a timely and relevant , while the difference of five environmental factors not significantly correlated with each other .

KANDUNGAN

	Tajuk	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Rajah	xii
	Senarai Jadual	xiii
	Senarai Lampiran	xv
BAB 1	PENGENALAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Persoalan Kajian	8
	1.7 Kerangka Teori	9
	1.8 Kepentingan Kajian	10
	1.8.1 Kepada Pelajar	11
	1.8.2 Kepada Pensyarah	11
	1.8.3 Kepada Fakulti	11
	1.10 Skop Kajian	12

1.11	Batasan Kajian	12
1.12	Definisi Operasional	13
1.12.1	Pengaruh	13
1.12.2	Faktor Persekitaran	13
1.12.3	Kemahiran	13
1.12.4	Kecemerlangan Akademik	14
1.12.5	Pencapaian	14
1.12.6	Responden	14
1.13	Rumusan	14
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	16
2.0	Pengenalan	16
2.1	Kajian Lepas	16
2.2	Teori Pembelajaran	19
2.2.1.	Tingkh laku	19
2.2.2	Kognitif	19
2.2.3	Sosial	20
2.2.4	Humanis	20
2.2.5	Psikomotor	20
2.2.6	Affektif	21
2.3	Model Pembelajaran	22
2.3.1	Jenis-Jenis Model Gaya Pembelajaran	22
2.3.1.1	Model pembelajaran Dunn dan Dunn	22
2.3.1.2	Model pembelajaran Kolb	23
2.3.1.3	Model pembelajaran VAK	24
2.3.1.1	Model pembelajaran Felder Silvermann	25
2.4	Faktor Yang Mempengaruhi Persekitaran Belajar terhadap kecemerlangan akademik	25
2.4.1	Faktor Persekitaran Pengurusan Kelas	26
2.4.1.1.	Myers-Briggs Type Indicator (MBTI)	26
2.4.1.2.	Herman Witkin Field Independence-Dependence	26

2.5	Faktor Demografi	27
2.6	Faktor Jantina	28
2.7	Faktor Keturunan	28
2.8	Penilaian terhadap kecemerlangan	29
2.9	Faktor persekitaran Pengurusan Kelas	30
2.10	Proses pembelajaran dan pengajaran	31
2.11	Faktor Pensyarah Dan Prestasi Pelajar	35
2.12	Rakan Sebaya	36
2.13	Kecemerlangan Akademik Pelajar	38
2.14	Rumusan	38
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.0	Pengenalan	39
3.1	Rekabentuk Kajian	38
3.2	Populasi Kajian Pemilihan Sampel Kajian	40
3.3	Proses Penyelidikan	42
3.4	Kerangka Operasi Kajian	43
3.5	Lokasi Kajian	44
3.6	Instrument Kajian	44
3.7	Kajian Rintis	47
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	48
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	50
3.10	Kaedah Menganalisis Data	51
	3.10.1 Peratusan	52
	3.10.2 Skor Min dan Sisihan Piawai	53
	3.10.3 Ujian Anova satu hala	54
3.11	Rumusan	54
BAB 4	ANALISIS DATA	55
4.0	Pengenalan	55
4.1	Analisis latar belakang responden	56

4.1.1	Taburan responden berdasarkan jantina	56
4.1.2	Responden mengikut fakulti pengajian	57
4.1.3	Taburan responden mengikut bangsa	58
4.1.3	Taburan responden berdasarkan pencapaian akademik pelajar	59
4.2	Analisis kebolehpercayaan kajian rintis	61
4.3	Analisis kebolehpercayaan kajian sebenar	62
4.4	Analisis soal selidik kajian	62
4.4.1	Persoalan Kajian Pertama	63
4.4.2	Persoalan kajian kedua	65
4.4.2.1	Analisis Elemen faktor persekitaran kemahiran	65
4.4.2.2	Elemen faktor persekitaran pensyarah	70
4.4.2.3	Elemen faktor persekitaran rakan sebaya	73
4.4.2.4	Elemen faktor persekitaran pengurusan kelas	74
4.4.2.5	Elemen faktor persekitaran kelas	77
4.4.3	Persoalan kajian ketiga	78
4.4.3.1	Faktor Kemahiran	81
4.4.3.2	Faktor Pengajaran Pensyarah	81
4.4.3.3	: Faktor Rakan Sebaya	82
4.4.3.4	: Faktor pengurusan kelas	83
4.4.3.5	: Faktor persekitaran kelas	83
4.5	Rumusan	84
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	85
5.0	Pengenalan	85
5.2	Perbincangan	85
5.3	Faktor Demografi	86
5.3.1	Jantina	86
5.3.2	Fakulti Pengajian	87

5.3.3	Bangsa	88
5.3.4	Pencapaian CGPA	88
5.4	Faktor Persekitaran Kemahiran	89
5.5	Faktor Persekitaran Pengajaran Pensyarah	90
5.6	Faktor Persekitaran Rakan Sebaya	91
5.7	Faktor Persekitan Pengurusan Kelas	92
5.8	Faktor Persekitaran Kelas	93
5.9	Kesimpulan	93
5.10	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	95
5.10.1	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Fakulti	95
5.10.2	Cadangan Kepada Pelajar	96
5.10.3	Cadangan Kepada Penyelidik Akan Datang	97
	RUJUKAN	98
	LAMPIRAN	119

SENARAI RAJAH

1.1	Statistik Keputusan Akademik Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sesi 2009/2010.	7
1.2	Kerangka Teori Kajian	10
3.1	Bilangan Responden Mengikut Fakulti.	42
3.2	Proses Penyelidikan	42
3.3	Kerangka Kerja Operasi	43
3.4	Formula Peratusan Secara Manual	53
4.1	Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina	59
4.2	Taburan Responden Mengikut Fakulti Pengajian	61
4.3	Taburan Kajian Mengikut Pencapaian CGPA	62
4.4	Kekerapan Item Yang Paling Tinggi Dan Yang Paling Rendah	72
4.5	Kekerapan Item Yang Paling Tinggi Faktor Persekitaran Pensyarah	75
4.6	Kekerapan Item Elemen Faktor Persekitaran Rakan Sebaya	77
4.7	Kekerapan Item Elemen Faktor Pengurusan Kelas	79
4.8	Kekerapan Item Yang Paling Tinggi Dan Yang Paling Rendah	81

SENARAI JADUAL

1.1	Statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010.	6
3.1	Bilangan responden mengikut Fakulti	40
3.2	Nilai Skor Dan Skala Likert	46
3.3	Pembahagian Soal Selidik	47
3.4	Menunjukkan Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	49
3.5	Menunjukkan Proses Pengumpulan Data Dan Cadangan Jangkamasa Yang Digunakan.	50
3.6	Kaedah Analisa Data	52
3.8	Interprestasi dan tahap kecenderungan berdasarkan skor min	53
4.1	Responden kajian mengikut taburan jantina	58
4.2	Sampel kajian mengikut taburan fakulti pengajian	60
4.3	Responden kajian mengikut taburan bangsa	60
4.4	Responden kajian mengikut taburan pencapaian CGPA	62
4.5	Indeks kebolehpercayaan bagi kajian sebenar	63
4.6	Data min dan sisihan piawai bagi faktor persekitaran yang paling Dominan	65
4.7	Analisis Data Bagi Elemen Faktor Persekitaran Kemahiran	67
4.8	Analisis Data Bagi Elemen Faktor Persekitaran Pengajaran Pensyarah	73
4.9	Analisis Data Bagi Elemen Faktor Persekitaran Rakan Sebaya	76
4.10	Analisis Data Bagi Elemen Faktor Persekitaran Pengurusan Kelas	78
4.11	Analisis Data Bagi Elemen Faktor Persekitaran Kemahiran	81
4.12	Faktor persekitaran mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar	82
4.13	Data min bagi faktor kemahiran yang paling tinggi dan yang paling	84

Rendah

4.14	Data min dan sisihan piawai bagi faktor pengajaran pensyarah	85
4.15	Data min dan sisihan piawai bagi faktor rakan sebaya	86
4.16	Data min dan sisihan piawai bagi faktor pengurusan kelas	87
4.17	Data min dan sisihan piawai bagi faktor persekitaran kelas	87

SENARAI LAMPIRAN

A	Carta Gantt Projek Sarjana 2	108
B	Krejcic dan morgan	110
C	Ujian SPSS kajian rintis	112
D	Ujian SPSS kajian sebenar	114
E	Ujian anova satu hala	120
F	Soal Selidik	126
G	surat pengesahan pakar	137
I	surat permohonan kajian	146

BAB 1

PENDAHULUAN

Dalam bab ini, penyelidik akan memfokuskan dan memperincikan tentang pengenalan kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta definisi kepada konseptual dan pengoperasian.

1.1 Pengenalan

Pelajar merupakan aset yang berharga pada negara. Misi dan visi kerajaan adalah mahu melahirkan pelajar yang mempunyai modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi serta modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai ciri-ciri yang berketerampilan dan berkeupayaan dalam pengetahuan serta kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Melalui matlamat tersebut maka transformasi pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi diperingkat antarabangsa kerana transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020.

Bidang akademik merupakan satu platform pembelajaran yang penting dalam sistem pendidikan Negara. Tahap pencapaian pelajar dinilai melalui kecemerlangan pencapaian akademik. Namun tahap kecemerlangan pencapaian tersebut bergantung kepada kebolehan individu. Ini kerana kebolehan tersebut adalah tidak sama maka, diperingkat institusi pengajian tinggi, aktiviti pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk mencapai matlamat individu terutamanya dalam

kecemerlangan pencapaian akademik. Proses pembelajaran dan pengajaran akan memberi kesan kepada penerimaan pelajar namun bergantung kepada tahap penerimaan masing-masing. Ini kerana aktiviti dan cara hidup pelajar banyak mempengaruhi pencapaian dalam akademik.

1.2 Latarbelakang masalah

Sesuatu proses pembelajaran melibatkan usaha supaya dapat menguasai kemahiran dan pengetahuan disamping membentuk sikap (Mohamad Nor, 2009). Kemungkinan kewujudan pelajar yang berhadapan dengan masalah belajar apabila mereka tidak memiliki kemahiran pembelajaran yang berkesan. Masalah ini akan berlanjutan apabila gaya dan cara pembelajaran tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan pengajaran pensyarah. Apabila aktiviti didalam kelas tidak dapat diikuti, rasa minat dan tumpuan pada pelajaran tersebut menjadi sukar. Kesan daripada pembelajaran yang sukar akan menjurus kepada kegagalan pencapaian dalam akademik.

Institusi Pengajian Tinggi berperanan berubah ke arah menyediakan graduan yang berketerampilan melalui pembangunan kurikulum yang relevan, cekap, berwibawa sebagai ahli akademik dan menyediakan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan pelajar.

Oleh yang demikian, graduan yang akan dilahirkan perlu berinovatif, mempunyai ciri-ciri kebolehan kognitif yang tinggi iaitu berfikiran analitikal dan kritikal serta mampu menyelesaikan masalah dan penaakulan, dapat menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta berkebolehan dalam bidang teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk berbakti kepada masyarakat, negara dan dunia serta dapat melahirkan ilmuwan, cendekiawan, kesarjanaan, pekerja mahir dan separa mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Maka terdapat empat model pembelajaran yang asas bagi hasil daripada gabungan pembelajaran dengan keperluan persekitaran, pelajar perlu mempunyai kebolehan dalam aspek konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimentasi aktif (Kolb, 1984). Menurut Dunn dan Dunn (1988) menyifatkan tentang cara pelajar memproses dan mengekalkan maklumat yang baru. Ianya akan

bergantung kepada ciri-ciri sahsiah diri seseorang dan ia dipengaruhi oleh persekitaran, termasuklah faktor emosi, pengaruh sosial serta hal-hal dalaman seperti perasaan individu.

Malahan antaranya gaya pembelajaran yang tidak teratur akan menunjukkan pencapaian akademik pelajar tidak cemerlang. Manakala gaya pembelajaran yang teratur akan menunjukkan tahap pencapaian akademik yang cemerlang.

Setiap pelajar memiliki perbezaan serta mengamalkan gaya pembelajaran sehingga penggunaan gaya pengajaran dan gaya pembelajaran yang tidak sesuai akan memberi impak kepada keseluruhan kualiti pembelajaran dan pengajaran didalam kelas. Ini kerana setiap pensyarah mempunyai pelbagai karektor dan gaya pengajaran. Manakala setiap pelajar juga mempunyai daya penerimaan ilmu yang berbeza-beza.

Setiap pelajar mempunyai bertindakbalas dan gaya yang tersendiri untuk menerima serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran (Mohamed Zakaria, 2010). Menurut Mohamed Zakaria (2010), berpendapat bahawa pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran kerana ianya sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Kecemerlangan akademik merupakan penentu kepada pemahaman seseorang terhadap proses pembelajaran.

Sikap pensyarah yang negatif akan memberi kesan negatif kepada pelajar manakala sikap pensyarah yang positif akan memberi kesan baik kepada pelajar dan ia sangat memberi kesan kepada kecemerlangan pelajar. Dalam hal yang lain, pensyarah berperanan sebagai penasihat serta dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam menerapkan nilai-nilai murni terutamanya dalam kemahiran generik. Pensyarah juga perlu memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang kebolehan pasaran kerja yang bersesuaian dengan keperluan industri semasa.

Menurut Ismail (2009), di negara-negara maju gaya pembelajaran dan proses kemahiran belajar didapati mempunyai pengaruh serta aspek yang kuat seperti faktor persekitaran, faktor emosi dan sebagainya diambil kira dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan malah menurutnya pelajar-pelajar di Amerika Syarikat, mereka didedahkan kepada gaya pembelajaran dan kemahiran belajar secara formal di sekolah-sekolah hingga ke peringkat kolej dan universiti yang mana matlamat pengajaran dan pembelajaran di sana

ialah pembelajaran sepanjang hayat berbanding di negara kita yang masih dibelenggu dengan berorientasikan peperiksaan. Ini menunjukkan wujudnya perbezaan antara pelajar adalah perkara yang lumrah bagi manusia dan ianya berkait rapat dengan faktor-faktor seperti emosi dan persekitaran serta pelajar yang sudahpun mengetahui gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar masing-masing akan lebih mudah belajar dan memperoleh keputusan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan.

Kecemerlangan pencapaian akademik pelajar bergantung kepada bagaimana mereka memilih kawan. Menurut Yahaya dan Aliju (2010), pelajar yang memilih kawan yang baik dan cemerlang dalam mata pelajaran akan menyebabkan mereka juga cemerlang dalam mata pelajaran, namun sekiranya mereka salah memilih kawan maka mereka akan turut terjerumus ke arah kegagalan terutamanya tidak boleh fokus kepada pelajaran.

Pelajar yang bergantung kepada rakan sebaya akan dilihat bahawa pengaruh tarikan yang ada pada diri individu tersebut biasanya mudah terikut dengan apa yang akan dilakukan oleh rakan mereka kerana mereka mempunyai persamaan minat, aktiviti dan sanggup menghabiskan tempoh masa yang lama untuk bersama dengan rakan-rakan. Secara tidak langsung pengaruh rakan sebaya boleh menjadi pendorong kepada pencapaian yang cemerlang dalam pelajaran kerana personaliti pelajar akan berubah mengikut rentak personaliti rakan sebaya kerana mereka dapat belajar bersama-sama dan membantu antara satu sama lain melalui bantuan, pengaruh dan tahap ilmu mereka.

Peranan tenaga pengajar sangat penting dalam memotivasi pelajar untuk mencapai kecemerlangan. Permarkahan yang diberikan mengikut keupayaan pelajar melakukan tugas yang diberikan. Penyelidikan Perbandingan antara Fakulti Mekanikal dan Fakulti Elektrik dipilih oleh penyelidik bagi melihat sejauhmana faktor persekitaran mempengaruhi tahap kecemerlangan akademik pelajar.

1.3 Pernyataan masalah

Dalam aspek kecemerlangan akademik, ia akan melibatkan semua aspek yang ada disekeliling. Pencapaian bagi pelajar Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan serta pelajar Kejuruteraan Elektrik dinilai melalui penilaian serta beberapa faktor iaitu, ujian,

kuiz, pembentangan, tugas, projek dan amali. Penilaian ini akan menjadi pengukur kepada kecemerlangan pelajar.

Menurut kajian Hashim (2007) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan gaya pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang diterapkan semasa di kelas bagi pelajar-pelajar bidang kejuruteraan adalah sama dan tiada hubungan signifikan diantara gaya pembelajaran antara pelajar berlainan dengan bidang kejuruteraan. Tetapi tidak semua pelajar boleh menerima cara pembelajaran dan pengajaran yang sama walaupun fakulti tersebut adalah daripada fakulti kejuruteraan.

Tahap pengajaran pensyarah yang mempunyai pelbagai karektor dan gaya pengajaran juga memberi kesan kepada kecemerlangan pelajar. Dengan kata lain untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang guru perlu cemerlang terlebih dahulu (Hassan, 2005). Menurut Abdul Latif dan Mohd taib (2012), terdapat perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan atau bukan lisan dan tahap motivasi pelajar.

Menurut Musa dan Isa (2010) kemahiran generik, sahsiah, atau beretika dan penyelesaian masalah dikalangan pelajar Kejuruteraan Elektrik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kurang dikuasai.

Menurut Che Abd Razak (2008); Felder dan Spurlin, 2005 pelajar dalam bidang kejuruteraan perlu menguasai kemahiran selain memahami teori bagi memastikan graduan yang dilahirkan mampu mempraktikkan apa yang dipelajari boleh diaplikasi ke dunia pekerjaan yang sebenar. Sukar bagi pelajar untuk menguasai kemahiran dalam bidang kejuruteraan disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak berkesan (Che Abd Razak, 2008).

Menurut Nasriq (2012), pengurusan masa pembelajaran yang tidak sesuai kepada pelajar untuk belajar adalah waktu tengahari diantara jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang. Pengurusan kelas atau pun makmal begitu longgar di Fakulti Mekanikal dan Pembuatan berdasarkan daripada penyelidikan yang dibuat oleh jawatankuasa fakulti tersebut. Ini kerana terdapat aduan dari jawatankuasa akademik fakulti bahawa mesin dan peralatan yang terdapat dalam makmal tidak disenaraikan (Nasriq, 2012).


Faktor persekitaran kelas juga menyebabkan emosi pelajar akan termotivasi dengan sendiri kerana keselasaan belajar dapat dicapai. Maka untuk memastikan

kecemerlangan akademik terus berada ditahap yang membanggakan, tindakan dan kerjasama dari semua pihak sangat diperlukan. Menurut Shaari et al., (2012) suasana pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Ini kerana setiap pelajar juga mempunyai daya penerimaan ilmu yang berbeza-beza. Jadual 1.1 menunjukkan statistik keputusan pencapaian akademik pelajar tahun akhir sarjana muda bagi sesi 2009/2010 yang mempunyai perbezaan tahap pencapaian diantara dua buah fakulti iaitu pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Jadual 1.1 : Statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010.

Statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010.					
Bil	Fakulti Pengajian	2.00 – 2.49	2.50 – 2.99	3.00 – 3.49	3.5 – 4.00
1	FKMP	63	193	135	22
2	FKEE	114	239	178	54
Jumlah		177	432	313	76

(sumber PPA UTHM)



Rajah 1.1 : Statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010.

Rajah 1.1 menunjukkan statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010. Skor penilaian yang paling tinggi adalah pada tahap pencapaian 2.50 hingga 2.99 bagi kedua-dua buah fakulti. Keputusan pencapaian yang paling cemerlang adalah pada tahap 3.50 hingga 4.00 yang mana pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dilihat mendominasi kecemerlangan tersebut berbanding dengan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan. Pada tahap pencapaian 3.00 hingga 3.49 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik juga mendominasi pencapaian tersebut.

Penyelidikan ini perlu dilakukan untuk melihat faktor yang menyebabkan pencapaian akademik pelajar di dua buah fakulti kejuruteraan ini terjadi dan penyelidikan ini hanya menumpukan kepada faktor persekitaran seperti kemahiran, pensyarah, rakan sebaya, pengurusan kelas atau persekitaran kelas. Pemilihan statistik keputusan akademik pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda sesi 2009/2010 berdasarkan keputusan pelajar tahun akhir yang terbaru.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan secara tinjauan pendapat pelajar untuk mengenalpasti sejauhmana pengaruh faktor persekitaran mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di dua buah Fakulti Kejuruteraan UTHM iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

1.5 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif bagi mencapai matlamat kajian yang dijalankan. Antaranya adalah untuk:

- i. Menenalpasti faktor persekitaran paling dominan yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di fakulti pengajian.
- ii. Menentukan elemen faktor persekitaran yang dominan kecemerlangan akademik pelajar di fakulti pengajian.
- iii. Menenalpasti perbezaan antara faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar di fakulti pengajian.

1.6 Persoalan kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang menjadi isu dan perlu dilihat dan diberi perhatian. Persoalan kajian ini menjadi panduan penting untuk menjalankan kajian ini. Jesteru itu, persoalan kajian yang akan menjadi perkara utama adalah:


- i. Apakah faktor persekitaran paling dominan yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar?
- ii. Apakah elemen faktor persekitaran yang dominan terhadap kecemerlangan akademik pelajar di fakulti pengajian?

- iii. Sejauhmanakah perbezaan antara faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar?

1.7 Kerangka teori

Kerangka teori akan digunapakai untuk menjelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang perjalanan proses kajian yang dijalankan. Ia juga merupakan kunci kepada hubung kait antara faktor yang mempengaruhi kajian dan bentuk kajian yang akan dijalankan. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang digambarkan melalui tiga proses utama iaitu masukan, proses dan keluaran sehingga menghasilkan kecemerlangan akademik pelajar.

Kerangka teori kajian seperti rajah 1.2 menunjukkan tiga bahagian utama yang ada dalam proses penyelidikan ini. Bahagian yang pertama iaitu proses masukan merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan pelajar Kejuruteraan Elektrik. Bahagian proses mengandungi lima faktor tumpuan penyelidik yang merupakan pengaruh faktor persekitaran kepada kecemerlangan akademik pelajar. Antara faktor persekitaran yang dikaji ialah kemahiran, pensyarah, rakan sebaya, kelas dan suhu kelas. Bahagian pengeluaran menjelaskan tentang hasil daripada faktor persekitaran yang baik atau buruk akan mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar.



(Adaptasi dari model Dun dan Dun)

Rajah 1.2 : Kerangka teori kajian

1.8 Kepentingan kajian

Kajian yang dihasilkan diharap dapat membantu fakulti mengambil langkah dan inisiatif untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar bagi program ijazah sarjana muda dibawah pengurusan fakulti.

Dengan penghasilan kajian ini juga dapat memberi input kepada pihak pengurusan fakulti untuk membuat perancangan dan persediaan dengan lebih jitu seperti menilai kembali kurikulum yang disediakan. Penyelidik ingin menegaskan bahawa kajian yang dibuat mempunyai pelbagai kepentingan berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan. Penyelidik juga mengharapkan dengan hasil dapatan kajian ini nanti dapat membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar secara umumnya dan Fakulti Kejuruteraan di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia secara khususnya .

1.8.1 Kepada pelajar

Kajian ini dihasilkan untuk dijadikan sebagai input kepada pelajar bagi meningkatkan mutu pembelajaran dengan menggunakan strategi yang tertentu terutamanya dalam memberi fokus kepada kecemerlangan akademik mereka disamping bijak mengawal keadaan persekitaran supaya ianya menjadi positif.

Pelajar juga perlu mengetahui sebab kepada penyumbanganya faktor kecemerlangan akademik mereka. Pelajar perlu menukar cara dan gaya pembelajaran dari masa ke semasa mengikut kesesuaian supaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik. Secara tidak langsung ianya mendorong pelajar untuk meningkatkan prestasi belajar melalui amalan belajar yang betul dan mengetahui masalah gangguan belajar yang mereka boleh hadapi supaya langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasinya (Abu, Syed Mansor & Jaafar, 2007).

1.8.2 Kepada Pensyarah

Dalam kecanggihan teknologi yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman, fungsi pensyarah sangat mencabar. Ini kerana pensyarah perlu mengikut gelombang siri pengajaran yang terkini dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Pensyarah perlu mencuba untuk mempelbagaikan kepenggunaan pendekatan yang terkini supaya proses pembelajaran dan pengajaran mendapat perhatian dan memudahkan penerima pelajar. Persediaan yang lebih lengkap seperti memanfaatkan penggunaan Alat Bantuan Mengajar (ABM) yang menepati keadaan semasa dan sejajar dengan permintaan pelajar dapat membantu mereka lebih meminati pelajaran yang dipelajari (Mohammad, 2012).

1.8.3 Kepada Fakulti

Hasil daripada kajian ini dapat membantu fakulti mengesan masalah akademik pelajar dan memperbaiki persekitaran serta mutu pengajaran dan pembelajaran (Abu, Syed Mansor & Jaafar, 2007). Secara tidak langsung ianya akan dapat mencapai objektif

kecemerlangan akademik pelajar yang telah digariskan. Ini akan meningkatkan jumlah sasaran pelajar program ijazah sarjana muda yang cemerlang dalam akademik serta dapat membantu pelajar meningkatkan motivasi dalaman.

Bagi memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana yang baik dan selesa serta pengajar dapat menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan, maka pihak pengurusan, sama ada sekolah, institut pengajian tinggi awam mahu pun institut pengajian tinggi swasta, perlulah menyediakan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan yang sesuai mengikut bidang kursus pengajian yang dikendalikan (Selamat et.al 2004). Kesemua program yang dirancang perlu berfokuskan kepada usaha untuk mempertingkatkan pencapaian kecemerlangan akademik pelajar serta melengkapkan mereka dengan persekitaran pasaran pekerjaan yang sebenar (Mohammad, 2012).

1.9 Skop kajian

Skop kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Kerja Khusus sepenuh masa 2013/2014 di dua buah fakulti kejuruteraan iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

1.10 Batasan kajian

Kajian ini akan dijalankan didua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Penyelidik telah memilih pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda tahun empat 2013/2014 yang mengambil program ijazah Sarjana Muda kerja khusus sepenuh masa sebagai responden. Kajian penyelidikan ini hanya menumpukan kepada pengaruh yang berkaitan dengan faktor persekitaran seperti pengaruh faktor persekitaran kemahiran, pensyarah, rakan sebaya, pengurusan kelas dan persekitaran kelas yang mana responden dipilih menggunakan sampel bertujuan dan secara rawak.

1.11 Definisi istilah dan operasional

Penyelidik akan menerangkan istilah dan operasional yang digunakan dalam penyelidikan dalam bahagian ini. Ia adalah berkait dengan istilah-istilah yang khusus berhubung dengan kajian yang dilakukan. Ini dapat membantu pembaca untuk memahami kajian yang dijalankan dan mengelakkan daripada berlakunya persepsi yang berbeza dari apa yang dikehendaki dalam penyelidikan ini.

1.11.1 Pengaruh

Pengaruh adalah suatu keadaan yang mempunyai hubungan dua hala, atau hubungan akibat antara apa yang mempengaruhi dengan apa yang di pengaruhi. Dalam penyelidikan ini pengaruh merujuk kepada suatu perkara yang berlaku disebabkan oleh faktor persekitaran.

1.11.2 Faktor Persekitaran

Menurut Badar, Kamruddin dan Puteh (2005) bahawa faktor sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan kademik pelajar. Persekitaran merujuk kepada segala benda yang terdapat disekeliling (Osman, 2004). Dalam kajian ini faktor persekitaran yang dikaji adalah:

1.11.2.1 Kemahiran

Apabila pelajar mempunyai kemahiran dalam bidang akademik, maka kemahiran generik dalam latihan industri boleh dipraktikkan. Ini kerana bidang kemahiran generik sangat berpengaruh dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah syarikat atau industri pelbagai kemahiran yang terkandung dalam proses pengajaran dan pembelajaran kokurikulum itu sendiri (Esa & Musa, 2004). Dalam penyelidikan ini, kemahiran merujuk kepada kemahiran yang ada pada pelajar yang boleh menyumbang kepada

kecemerlangan akademik mereka seperti kemahiran membaca, menulis nota, pengurusan masa, mendengar, membuat rujukan dan menghadapi peperiksaan.

1.11.2.2 Pensyarah

Menurut Kamus Dewan pensyarah membawa maksud guru di Universiti yang memberi kuliah. Dalam penyelidikan ini, pensyarah merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mendidik pelajar di Fakulti kejuruteraan UTHM. Proses pengajaran itu berlaku secara formal atau tidak formal oleh pensyarah. Selain dari melakukan proses pengajaran, pensyarah juga merupakan pemudah cara kepada pelajar untuk membantu mereka menyelesaikan masalah pembelajaran.

1.11.2.3 Rakan sebaya

Dalam kajian ini, rakan sebaya merujuk kepada pengaruh rakan sebaya mendorong kepada pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran. Ini kerana personaliti pelajar akan berubah mengikut rentak personaliti rakan mereka sama ada terarah kepada tingkahlaku yang positif atau tingkat laku yang negatif. Menurut Yahaya dan Omar (2010) rakan sebaya yang cemerlang dalam mata pelajaran itu akan membantu ke arah kecemerlangan rakannya melalui bantuan, pengaruh dan tahap ilmu mereka.

1.11.2.4 Pengurusan kelas

Pengurusan kelas merujuk kepada keselesaan struktur kelas iaitu penyusunan perabot, kemudahan kelas, kedudukan pelajar serta keselesaan pelajar untuk belajar dalam keadaan yang padat dalam satu masa.

1.11.2.5 Persekitaran kelas

Persekitaran kelas merujuk kepada suhu dan masalah bau ini kerana kapasiti pelajar yang ramai akan menyebabkan masalah ini akan berlaku.

1.11.3 Kecemerlangan akademik

Pencapaian adalah hasil perolehan setelah berusaha dan kecemerlangan akademik pelajar dalam penyelidikan ini merujuk kepada markah atau tahap keputusan yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu proses penilaian samaada secara teori, amali atau pun latihan industri adaptasi dari Mohamad, (2012).

Kemahiran belajar merujuk kepada kemahiran mencatat nota, merancang kerja dan mengagihkan masa untuk belajar. Kemahiran belajar bagi kajian ini merujuk kepada skor dari skala Kemahiran Belajar iaitu skor yang tinggi menunjukkan kemahiran belajar yang tinggi dan skor rendah adalah sebaliknya, adaptasi dari Abtholuddin, (2012).

1.11.4 Pencapaian

Menurut Mohd Zakaria (2007), pencapaian akademik lebih memberi fokus kepada gred yang diperolehi seseorang pelajar dalam peperiksaan yang didudukinya. Dalam kajian ini penyelidik memilih pencapaian berdasarkan keputusan akhir peperiksaan responden.

1.12 Rumusan

Kecemerlangan pelajar dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor persekitaran yang dikaji oleh penyelidik menjadi fokus utama merangkumi beberapa faktor iaitu kemahiran yang membantu pelajar untuk cemerlang, pengajaran pensyarah yang memberi kesan kepada pelajar, pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian akademik, pengurusan kelas yang selesa dan suhu kelas. Tahap kecemerlangan yang tinggi atau rendah membuktikan sejauhmana pelajar dapat mengikuti program yang ditawarkan oleh fakulti.

Pencapaian yang cemerlang akan menggambarkan tentang persediaan pelajar dalam mengikuti program yang telah disusun dan akan memberi motivasi kepada mereka samaada meneruskan pelajaran diperingkat yang lebih tinggi atau bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menceburkan diri dalam pasaran kerja. Faktor pensyarah

merupakan faktor yang paling tinggi dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar diikuti dengan faktor rakan dan faktor minat (Md. Johan, 2008).

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang sorotan kajian-kajian yang terdahulu, serta sorotan kajian yang merupakan pernyataan atau fakta yang menyokong objektif penyelidikan. Kerangka teori yang dibina akan menyokong kepada penyelidikan yang akan dijalankan bahawa teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan. Model yang sesuai menjadi rujukan dan panduan bagi membantu penyelidikan.

2.1 Kajian lepas

Di dalam sorotan kajian lepas mengandungi beberapa topik iaitu pernyataan masalah, kaedah penyelidikan, teori yang digunakan, pendapat dan pandangan, penilaian serta laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih oleh penyelidik. Sumber kajian pula didapati daripada artikel, jurnal-jurnal yang berkaitan, tesis-tesis yang terdahulu dan kenyataan daripada seseorang pakar. Kajian yang terdahulu juga merupakan aktiviti penyelidik mengemukakan rujukan yang diperolehi untuk mengukuhkan lagi tajuk kajian. Persoalan kajian akan disokong oleh maklumat, idea, data melalui kajian yang akan dijalankan. Rujukan yang digunakan akan menyokong tajuk kajian dengan bukti-bukti dari hasil penyelidikan yang terdahulu.

Sumber rujukan yang akan digunakan kebanyakannya adalah daripada Jurnal, buku rujukan, kertas kerja teknikal, internet serta artikel dari para pengkaji yang lepas. Banyak artikel yang berkaitan dengan faktor persekitaran seperti yang terdapat dalam

toeri Dun dan Dun, (1988) serta artikel yang membincangkan tentang faktor persekitaran yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. Fungsi operasional yang terdapat dalam penyelidikan ini dirujuk kepada kajian yang lepas sebagai sokongan kepada fungsi tersebut. Ini dapat membantu pembaca untuk memahami kajian yang dijalankan dan mengelakkan daripada berlakunya persepsi yang berbeza dari apa yang dikehendaki dalam penyelidikan ini.

Menurut Buang (2011) bahawa pengaruh telah wujud sejak dahulu lagi secara tunggal dan hanya berlaku antara satu pihak dengan pihak yang lain yang berpengaruh dan yang dipengaruhi. Individu dipengaruhi oleh budaya dalam penglibatan secara tidak langsung dalam suatu organisasi secara positif atau negatif (Joseph & Dai, 2009). Pengaruh merupakan suatu tindakan yang melibatkan tingkah laku yang dilakukan secara nyata yang akan memberikan kesan positif atau negatif kepada individu yang lain. Pengaruh juga berlaku kerana individu mempunyai sesuatu yang sama dengan individu yang lain contohnya seperti mempunyai minat, aktiviti, masa lapang, tujuan, pandangan, atau hala tuju yang sama. Sesuatu pengaruh akan mempengaruhi nilai-nilai murni atau kehidupan sosial golongan yang berpengaruh malah ianya akan memberi kesan kepada pihak yang lain.

Faktor persekitaran mempunyai definisi yang tersendiri iaitu penyebab atau kejadian yang berlaku disekeliling individu. Persekitaran merujuk kepada segala benda yang terdapat disekeliling (Osman, 2004). Menurut Badar, Kamaruddin dan Puteh (2005) bahawa faktor sikap dan iklim serta pengajaran pensyarah merupakan faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar. Penguasaan kemahiran generik dan penguasaannya penting untuk pelajar dalam membuat persiapan menceburi bidang pekerjaan terutamanya pelajar dalam bidang kejuruteraan malah kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berkesan akan meningkatkan penguasaan kemahiran tersebut (Esa & Musa, 2009). Ini menunjukkan bahawa kemahiran generik adalah antara kemahiran yang sangat berpengaruh dan penting dalam memastikan kejayaan pelajar. Kemahiran merujuk kepada kebolehan yang ada pada pelajar yang akan menyumbang terhadap kecemerlangan akademik mereka seperti kemahiran membaca, kemahiran menyalin nota, kemahiran membuat rujukan. Persekitaran adalah sangat penting dalam merangsang sesuatu pekerjaan yang dilakukan

supaya menjadi lebih produktif terutamanya komunikasi yang berkesan untuk menyumbang kepada kerjasama yang sihat (Joseph & Dai, 2009). Kemahiran belajar merujuk kepada kemahiran mencatat nota, merancang kerja dan mengagihkan masa untuk belajar. Kemahiran belajar bagi kajian ini merujuk kepada skor dari skala Kemahiran Belajar iaitu skor yang tinggi menunjukkan kemahiran belajar yang tinggi dan skor rendah adalah sebaliknya, adaptasi dari (Abtholuddin, 2012). Menurut Ismail, (2009) bahawa jabatan pendidikan Amerika Syarikat menyatakan ramai pakar yang menegaskan jurang pencapaian yang berlaku adalah berpunca daripada faktor-faktor persekitaran iaitu taraf hidup yang tinggi, taraf sosiologi, kesihatan, keluarga yang miskin.

Pencapaian merupakan hasil perolehan setelah berusaha namun terdapat jurang pencapaian yang berlaku dalam bidang pendidikan dan merujuk kepada perbezaan dalam prestasi akademik dikalangan pelajar. Kecemerlangan pencapaian akademik pelajar merujuk kepada penilaian yang dilakukan bagi melihat tahap pencapaian pelajar antaranya mengikut model sim ialah ujian, tugas, projek, kuiz, pembentangan dan markah atau keputusan yang diperolehi oleh pelajar akan dikategorikan mengikut pencapaian pelajar masing-masing. Proses ini biasa digunakan untuk melihat tahap pencapaian pelajar dan jurang antara pelajar. Proses penilaian samaada secara teori, amali atau pun latihan industri, dilakukan untuk melihat tahap kecemerlangan pelajar (Mohamad, 2012). Pelajar yang miskin berkemungkinan tidak dapat melanjutkan pelajaran diperingkat ijazah dan pelajar yang kaya berpotensi untuk belajar di universiti kerana pencapaian akademik dipengaruhi oleh taraf hidup (Hernandez, 2011). Pelajar miskin atau kaya boleh merubah keadaan sosiologi latar belakang keluarga dengan meningkatkan pencapaian akademik mereka menggunakan kemudahan fasiliti dan infrastruktur yang terdapat diinstitusi.

2.2 Teori pembelajaran

Teori pembelajaran merupakan dapatan kajian daripada ahli psikologi pendidikan yang terdahulu mengenai konsep pembelajaran, faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan proses pembelajaran. Secara asasnya konsep pembelajaran yang boleh

diklasifikasikan mempunyai empat mazhab iaitu tingkahlaku, kognitif, sosial dan *humanis*.

2.2.1. Tingkahlaku

Pembelajaran dilihat sebagai satu proses perubahan tingkahlaku yang disebabkan oleh perhubungan rangsangan dengan tindakbalas dalam organisma yang terlibat. Menurut tokoh behavioris, tingkah laku pelajar boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Delfrin (2006) menyatakan bahawa ahli mazhab ini melihat pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku pelajar secara kekal.

2.2.2 Kognitif

Psikologi Kognitif adalah hal-hal seperti sikap seseorang individu, mempunyai idea-idea yang bernas, harapan yang tinggi dalam melkakukan sesuatu dan sebagainya. Dalam Psikologi Kognitif, ia mempelajari bagaimana arus informasi yang ditangkap indera diproses dalam jiwa seseorang sebelum di endapkan dalam kesadaran atau diwujudkan dalam bentuk tingkah laku. Teori seterusnya iaitu Teori Pembelajaran Kognitif Piaget iaitu menekankan pengubahsuaian diri dalam alam sekitar sebagai faktor yang penting untuk perkembangan kognitif seseorang individu.

Jean Paiget mendapati perkembangan kognitif kanak-kanak adalah berbeza dan berubah melalui empat peringkat ikut perubahan umur mereka. Oleh itu, implikasi Teori Piaget dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu guru perlu menyediakan isi pelajaran mengikut peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak iaitu daripada konkrit kepada abstrak. Guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti yang menggalakkan penerokaan dan penemuan. Hal ini demikian kerana pengetahuan dan kebolehan kanak-kanak berbeza mengikut tahap umur. Teori perkembangan kognitif merupakan perkembangan karekter dan dipengaruhi oleh faktor luar dari dirinya dalam keluarga dan kehidupannya (Imalatur Roihah, 2009).

2.2.3 Sosial

Teori pembelajaran mazhab sosial adalah sebagai proses pemodelan iaitu pembelajaran melalui pemerhatian atau peniruan (Bandura, 1977). Pembelajaran pemerhatian mencadangkan bahawa seseorang akan meniru tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat dan juga tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat dengan membuat pemerhatian ke atas aktiviti sosial yang berlaku disekeliling mereka.

2.2.4 Humanis

Pembelajaran sebagai kebergantungan kepada emosi dan perasaan. Ahli humanis berpendapat bahawa setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza. Maka strategi pembelajaran dan pengajaran perlu diaturkan mengikut kehendak dan perkembangan emosi individu tersebut (Mok, 2001).

2.2.5 Psikomotor

Teori pembelajaran secara psikomotor meliputi beberapa aspek dalam pembelajaran antaranya ialah persepsi. Antara elemen dalam persepsi ini meliputi mengenalpasti, mengesan, memilih, menerangkan membezakan, mengecam, hubungkait dan menyisihkan. Melalui elemen ini pensyarah boleh membuat tanggapan terhadap persepsi pelajar. Dalam domain psikomotor, terdapat set iaitu memulakan, mempamerkan, menghuraikan, memindahkan, meneruskan, memberikan tindakbalas, dalam menunjukkan sesuatu, menyatakan, menunjukkan, kerelaan. Elemen yang ketiga dalam psikomotor adalah tidakbalas yang berpandu menyalin, menjejaki, mengikuti, memberi respons, memberikan dan tindakbalas serta menghasilkan semula. Psikomotor yang keempat ialah mekanisma iaitu mencantumkan, menentukan, membina, mempamerkan, merungkai, menumbuk, memanaskan, mengenakan, memasang, mencampurkan, memanipulasikan, mengorganisasikan, mengukur, membaiki, melakarkan. Respons yang ketara kompleks pula menentukan, mencantumkan, membina, merungkai, mempamerkan, mengenakan, memasang, membaiki, mengukur,

memanipulasi, mencampurkan, menganjurkan, melakar. Adapatasi atau penyesuaian dalam psikomotor mengadaptasi, mengubahsuai, menukar, mengatur semula sesuatu, serta mengorganisasi semula, menyemak, mempelbagaikan. Elemen yang terakhir dalam psikomotor ialah laman tulen iaitu meliputi aspek menyusun atur, membangunkan, mengarang, mencantun, membina, mereka bentuk, mencipta, memulakan, mengasaskan.

2.2.6 Affektif

Domain afektif mempunyai lima elemen iaitu menerima pertanyaan memilih, menghuraikan, mengikut, memegang, member, menamakan, mengenalpasti, menunjukkan, menjawab, memilih, menggunakan. Kemudian memberikan maklum balas dengan menjawab, membantu, mematuhi, memberikan pertolongan, berbincang, akur, mengucapkan selamat, menolong, melaksanakan, mengamalkan, membentangkan, membaca, melaporkan, mendeklamasi, memilih, menulis. Kemudian menilai sesuatu bagi menunjuk cara melaporkan, menerangkan, membezakan, mengajuk, membentuk, memulakan, menyertai, mempelawa, berkongsi, mewajarkan, mencadangkan, mengkaji, memilih, dan mengerjakan. Mengorganisasi melihat kepada setia, mencantun, membandingkan, menyelesaikan, mempertahankan, menghurai, merumus, membuat kesimpulan, secara umum, mengenalpasti, menyatupadu, mengubahsuai, mengorganisasi, menghubungkan, menyedia, membuat sintesis. Menghayati merupakan elemen yang kelima dalam domain afektif yang banyak mendiskriminasi, mempamerkan, mempengaruhi, memahami, mengubahsuai, melaksanakan, mencadangkan, mengamalkan, menyemak, melayan, menyelesaikan, dan mengesahkan.

2.3 Model pembelajaran

Kebanyakan model-model gaya pembelajaran telah dibentik daripada hasil kajian yang telah dijalankan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan ke atas gaya pembelajaran pelajar.

2.3.1 Jenis-jenis model gaya pembelajaran

Terdapat pelbagai jenis model gaya pembelajaran yang telah dikenalpasti dan diamalkan oleh pelajar masa kini. Antaranya adalah model pembelajaran Dun dan Dun (1984), model pembelajaran Kolb (1990), model pembelajaran VAK dan model Felder Silvermaann.

2.3.1.1 Model pembelajaran Dunn dan Dunn

Dalam penyelidikan yang lepas, pelbagai model dan gaya telah menjadi elemen dalam kajian penyelidikan yang terdahulu. Penyelidik menggunakan beberapa teori dan model yang berkaitan dengan penyelidikan ini sebagai kerangka untuk menyokong setiap isu yang dinyatakan. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri mengikut minat atau pola yang mendorong pelajar untuk memilih proses belajar yang menggunakan maklumat baru atau pengalaman (Dunn dan Dunn, 1984). Terdapat beberapa model gaya pembelajaran yang telah dikaji oleh penyelidik sebelum ini bagi menyokong tentang isu yang berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran yang menjadi faktor terhadap persekitaran belajar yang cemerlang.

Gaya pembelajaran oleh Dunn dan Dunn seseorang pelajar bergantung kepada diri sendiri bukan bergantung kepada rakan sebaya seperti unsur-unsur yang disukainya di bawah lima *stimulus* iaitu alam sekitar yang mengandungi elemen seperti bunyi, cahaya, suhu dan pola. Ciri-ciri bunyi adalah suka belajar tanpa bising atau mendengar muzik, suka belajar ditempat yang cerah atau di temoat yang kurang cahaya dan suka belajar ditempat yang sejuk atau panas dan pola tempat yang formal seperti mempunyai kerusi dan meja serta ruang belajar atau yang tidak formal iaitu belajar sambil berbaring atau mengikut keselesaan. *Stimulus* yang kedua ialah emosi yang terdiri daripada motivasi, ketabahan, tanggungjawab dan struktur. Unsur-unsur yang seterusnya adalah sosiologi yang terdiri dari unsur-unsur seperti sendir, pasangan, rakan sebaya, pasukan, guru serta pelbagai cara manakala unsur-unsur fizikal ialah persepsi, makan, waktu, gerakan dan unsur-unsur psikologi ialah globalatau analitik, otak kiri atau otak kanan serta impulsive atau reflektif.

Menurut Dunn (1984) pelajar tidak gagal kerana kurikulum kerana pelajar boleh belajar apa sahaja matapelajaran atau subjek menggunakan kaedah dan pendekatan responsif kepada kekuatan gaya pembelajaran mereka. Malah pelajar perlu diajar dalam corak sosiologi di mana mereka berasa selesa agar pembelajaran yang koperatif tidak mengira perbezaan individu yang ketara. Sekiranya pelajar tidak boleh mengajar cara yang diajar oleh pensyarah, maka pensyarah perlu mengajar mengikut cara yang mereka belajar bagi meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar (Dunn, 1990).

2.3.1.2 Model pembelajaran Kolb

Pelajar belajar berdasarkan cara bagaimana mereka mengamati dan memproses sesuatu perkara Kolb (1990). Ada pendapat yang memberi respon serta mempelajari sesuatu dengan cara menggunakan deria dan perasaan (*sensing and feeling*).

Menurut McCarthy (1990) ada individu lain belajar dengan cara berfikir dan mengemukakan satu carta yang menerangkan gaya pembelajaran yang berasaskan idea asal oleh Kolb. Sistem 4MAT merupakan hasil daripada adaptasi dari model Kolb, (1990) menghasilkan model empat kuadran iaitu pengamatan (*perceiving*). Model dan sistem ini telah mengklasifikasikan pelajar kepada empat kategori, iaitu pelajar imaginatif (berasa dan memerhati), pelajar berfikir secara analitik (memerhati dan berfikir), pelajar menggunakan akal biasa (berfikir dan membuat) dan pelajar Dinamik (membuat dan menggunakan deria) iaitu cara belajar aktivis, pragmatis, reflektif, dan teoritis. Misalnya pelajar yang aktif akan terlibat sepenuhnya dengan sesuatu pengalaman baru, sentiasa aktif, dan bersedia untuk mencuba sesuatu yang dipelajari pada masa yang sama atau ketika itu juga. Dalam kajian sistem empat kuadran menunjukkan pelajar yang pragmatis suka mencuba terlebih dahulu sama ada sesuatu itu benar-benar praktikal atau tidak. Apabila didapati praktikal dan berguna, maka dianggapnya baik dan dia akan mempelajarinya. Tetapi pelajar yang reflektif akan mengasingkan diri tetapi masih melihat sesuatu yang dipelajari itu daripada beberapa perspektif yakni mengambil masa untuk berfikir sebelum membuat sesuatu keputusan. Hanya pelajar yang teoritis pula suka mengambil pendekatan logikal dan tersusun serta membina teori-teorinya sendiri.

RUJUKAN

- A. Ahmad, S.M., Idrus, N.N. N. A., Malik, N.A. Murad, N. H., Ngajikin, M. R. M. Esa., (2006). *Pengaruh Gaya Hidup Pelajar Kejuruteraan Di Kolej Kediaman UTM Terhadap Pencapaian Akademik*. Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Latif, A. & Mohd Taib, F. H. (2012). *Hubungan Tingkah Laku Kesiediaan Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar*. Eprints. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Rashid, K. A. (2008). *“Perkaitan Antara Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Dan Medan Gelombang Elektromagnetik Dikalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik UTHM”* Tesis. Sarjana. Terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Abdul Rashid, K. A. (2008). *Perkaitan Antara Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Dan Medan Gelombang Elektromagnetik Dikalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik UTHM*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdull Sukor Shaari, Nurahimah Mohd Yusoff Mohd Izam Ghazali Rafisah Hj Osman (2012). *Hubungan Antara Gaya Pengajaran Pensyarah Dengan Penglibatan Akademik Pelajar Universiti* . Seminar Kebangsaan Majlis Dekan –Dekan Pendidikan Ipta 2012. Universiti Utara Malaysia.
- Abtholuddin, F. (2012). *Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dan Kemahiran Belajar Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan*. Tesis. Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Abu Bakar, M. S. (1995). *Metodologi Penyelidikan : Untuk Ekonomi Dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Terbitan :Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia ISBN:9679422232
- Abu Othman, F (2012). *Hubungan Budaya Pembelajaran Informal Dalam Organisasi Kerja Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Bagi Mata*

- Pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Tesis. Sarjana. Terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Abu, B., Johan, M. O., Syed Mansor, S. M. S., Jaafar. H. (2007). Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di fakulti Pendidikan, UTM, Johor. Jabatan Asas Pendidikan, UTM.
- Ahmad Esa, and Marliana Musa, (2009). Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno-Social*, 1 (1). pp. 77-94. ISSN 1985-9740.
- Alsagoff, S. A. (1984). *Teknologi Pengajaran*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka KK.737-2996-0101
- Ahamd, A.& Awang, M. I. (2008). “Pengukuran dan penilaian pendidikan” Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008 ISBN 9834601492, 9789834601492
- Badar, A. R. & Kamaruddin, N. A. Puteh, S. (2005). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Politeknik-Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Prosiding seminar pendidikan JJPG 2005. Fakulti Pendidikan Teknikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- Baharuddin, A. H. (1989) pembolehubah kuantitatif ialah pembolehubah yang berubah daripada segi kuantitinya.
- Bandura, A. & Mischel, W.(1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey : Prentice Hall.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bernice McCarthy (1990). *Using the 4MAT System to Bring Learning Styles to Schools*. jurnal Educational Leadership Oktober 1990
- Boddy, Richard (2009). *Statistical Methods In Practice : For Scientists And Technologists*. Publisher:Wiley, ISBN:9780470746646
- Bryman, Alan (2001). *Quantitative Data Analysis With SPSS Release 10 For Windows : A Guide For Social Scientists*. Publisher:Taylor And Francis, ISBN:0415244005
- Buang, M. Z. (2011). *Sejauhmanakah Tabiat Merokok Mempengaruhi Kadar Penyakit Di Seremban*. Tesis. Universiti utara malaysia

- Cates, Ward Mitchell (1985)., Abdullah, S. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur ISBN:9836216812
- Che abd razak, N. S. (2008); Felder, R.M & Spurlin J, (2005). *Gaya Pembelajaran Pelajar Kejuruteraan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Tesis. Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Child, Dennis. (1983). *Applications of Psychology for The Teacher*. London : Cassell Educational.
- Construct Validity of a Student Learning Style Scale Instrument*. Journal of Psychology 87:213-
- Dick,W. & Reiser, R.A. (1989). *Planning Effective Instruction*. Landon: Prentice-Hall.
- Diggle, & Peter, J. (2011). *Statistics And Scientific Method : An Introduction For Students And Researchers*. Publisher:Oxford University Press, ISBN:9780199543182
- Ee, A. M. (1997). *Pedagogi III : pengujian dan penilaian, pemulihan, pengayaan dan pendidikan inklusif*. Fajar Bakti Sdn.Bhd, Shah Alam.
- Felder, R.M. & Solomon, B.A. (1970). *Learning Styles And Strategies*. Atas Talian. <http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/ILSdir/styles.htm>
- Gibson, D. & Aldrich, C. & Prensky, M. (2007). *Games And Simulations In Online Learning*. published by information science publishing ISBN 1-59904-306-8
- Grasha, A.F & Reichmann, S.W. (1974). *A Rational Approach to Developing and Assessing the*
- Green & Samuel, B. (2000). *Using SPSS For Windows : Analyzing And Understanding Data*. Publisher: Prentice-Hall, ISBN:013020840X
- Othman, M. A. (2008). “*Pkl(Bermasalah Pembelajaran)*” Atas Talian. <http://abdullah042008.tripod.com/id6.html>
- Hamdan, A. R., Ghaffar, M. N., Kosnin, A., Ramli, J., Mokhtar., (2007). *Gaya Pembelajaran, Kemahiran Generik Dan Motivasi Pelajar Merentasi Bidang Sains Tulen, Kejuruteraan Dan sains Sosial Di Utm*. Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Harun, A. & Abdullah, N. (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Terbitan Thomson Learning (A Davidson Of Thomson Asia Pte.Ltd.) ISBN 981-243-747-9.
- Hashim, H. N. (2006). *Kajian terhadap amalan pematuhan pemakanan topi keledar keselamatan di kalangan penunggang motosikal di Batu Pahat*. Tesis. Sarjana. Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Hassan, Z. & Abdul Rahman, M. A. (2005). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Hatcher, J. (1999). *On-line and off-line survey instrument: Motivation, Cognitive Styles and Learning*
- Hernandez, D.J., (2001). *How Third-Grade Reading Skills and Poverty Influence High School Graduation*. Annie E. Casey Foundation, 2011.
<http://eprints.utm.my/3680/1/71881.pdf>.
- Idris, A. R. Oh G. B. dan Megat Zakaria, M. A. Z (2012). *Tinjauan Terhadap Sumber Maklumat Akademik Pelajar Tahun Akhir Di Sebuah IPT*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, 2012
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* Terbitan The Mcgraw-Hill Companies ISBN 978-967-5771-03-3
- Imalatur raoihah. (2009). *Implikasi teori kognitif jean piaget dalam pembentukan keperibadian muslim pada anak usia sekolah 7-12 tahun*. Tesis. Sarjana. Fakulti Tarbiyah Uin Sunan Kalijaga, Yogyakarta Indonesia.
- Ismail, A. R. (2009). *Hubungan Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar dengan Pencapaian Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat'*. Tesis. Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jamian, A. R. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar*. Jurnal pendidikan bahasa melayu
- Jamian, N. F. (2012). *Kecenderungan gaya pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan Model Honey dan Mumford di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM*. Tesis. Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- John R. Anderson Lynne M. Reder Herbert A. Simon (1996). *Situated Learning and Education*. Educational Researcher, VoL 25, No. 4, pp. 5-11

- John, R. & Anderson Lynne M. & Reder Herbert, A. S. (1996). *Situated Learning and Education Educational Researcher*, VoL 25, No. 4, pp. 5-11
- Joseph, K. E. & Dai, C. (2009). *The Influence of Organizational Culture on Organizational Learning, Worker Involvement and Worker Productivity*. Glorious Sun School of Business and Management 1882 Yan'an West Road, Donghua University Shanghai 200051, China international journal of business and management vol.4, No.9 september 2009
- Kaedah Pengajaran. Jurnal. Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Khalid Mohd. Nor (1993). Kaedah Pembelajaran Berkesan . Kuala Lumpur : Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Kinnear, & Paul, R. (2000). *SPSS Windows Made Simple : Release 10*. Publisher:Psychology Press, ISBN:1841691186
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities” Educational And Psychological Easurement* 1970, 30, 607-610.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London. Willey ang Sons.
- Liebowitz, J. Y. & Chen, A. H. (2003). *Knowledge Sharing Proficiencies : The Key To Knowledge Management* . Holsapple, C. W. Handbook on knowledge management matters berlin : Springer-Verlag.
- Md. Johan. O & Abdul Majid, R. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Sesi 2007/2008*. Fakulti Pendidikan Utm, Skudai Fakulti Pendidikan,Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad, M. K. (2009). *Pengaruh Minat Terhadap Prestasi Pelajar Program Diploma Kemahiran Mara*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, Utm, Skudai, Johor*. Tesis. Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohammad Nor, M. A. (2009). *Hubungan Dan Gaya Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Meningkatkan Kefahaman Pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Mohd Faiz, N. S. & Mohamed, M. & Zahit, R. (2006). *Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang – Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran* Seminar TVE'06 - 29 - Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- Mohd Salim, N. Z. (2010). *Hubungan di antara gaya pembelajaran dan kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd. N. & Md Noor, B. (2009). *Stail Pengajaran Guru Dan Gaya Pembelajaran Murid*. Jurnal Pendidikan Tigaenf 1999/2000 Jilid 2: Bil. 3. Jabatan Ilmu Pendidikan, Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah Darul Aman.
- Mohd. Nor, L. (2005). *Statistics Made Simple*. Publisher: International Islamic University Malaysia, ISBN:9832957281
- Mohamad, B., Esa, A. & Junoh, H. (2007). Psikologi Pendidikan Dalam PTV. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sang, M. S (2001) “*Siri Pendidikan Perguruan Psikologi Pendidikan*”. Terbitan Subang Jaya Kumpulan Budiman Sdn Bhd
- Murdoch Teacher Center (1984). *Pengurusan Masa dan Gaya Pembelajaran*. Wichita: Kansas.Myers, I. (1978). *Myers-Briggs Type Indicator*. Palo Alto, CA: Consulting Pyschologists Press.
- Nasriq (2012). *Ulasan Akademik Terhadap Permasalahan Pelajar*. Artikel. Fakulti Mekanikal dan Pembuatan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- National Center for Education Statistics, "NAEP 2009 High School Transcript Study," 2009.
- Osman, M. T. (2004). *Universiti Dan Tradisi Kecemerlangan*. Terbitan Universiti Malaya Kuala Lumpur ISBN 983-100-182-6
- Othman, M. K. & Shaari. A. S. (2007). *Hubungan Pengajaran Pensyarah Dan Minat Pelajar Dengan Kefahaman Konsep MORAL* Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007. Jabatan Asas Pendidikan. Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan,Universiti Utara Malaysia
- Razali, M., Jantan,. R. & Hashim, S. (2006). Psikologi pendidikan. Kuala Lumpur : PTS Publication.

- Rita dunn (1990). *Rita dunn answers Questions on learning style*. Jurnal Pendidikan Tigaenf 1999/2000 Jilid 2: Bil. 3 Educational Leadership Consultants.
- Rita Dunn, (1984). *Learning Style: State of the Science*. Theory into Practice, Vol. 23, No. 1, Matching Teaching & Learning Styles (Winter,1984), pp. 10-19
- Sang, M. S. (2008). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI Sekolah Rendah: Psikologi Pendidikan dan Pedagogi*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Selamat, R., Ungku Ahmad, U. N. Abd Razak, N. Z., Ali. L., Abd Aziz, A., Sheikh Ahmad, F., Ahmad Khalid, A. (2004). *Kajian Ke Atas Persekitaran Pengajaran Dan Pembelajaran Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia: Ke Arah Pembentukan Persekitaran Yang Optimum Dalam Mencapai Kecemerlangan Pengajaran Dan Pembelajaran*. Vot Penyelidikan: 75012 Jabatan Pengurusan
- Selmes, I.P (1987). *Improving Study Skills*. London : Holder and Stoughton.
- Shaari, A. S., Mohd Yusoff, N., Ghazali, M. I., Osman, R. (2012). Hubungan antara gaya pengajaran pensyarah dengan penglibatan akademik pelajar universiti.
- Snowman, J. & Biehler, R. (2006). *Psikologi Applied To Teaching*. Published By Houghton Mifflin Compony ISBN 0-618-47397-1
- Stapa, Z. & Ismail, A. M. & Yusuf, N. (2012). “*Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri*.” Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 155-172
- Taat, M. S. & Abdullah, M. Y. & Mohamad, M. & Talip, R. & Ambotang, A. S. & Zain, S. (2012). *Pengurusan Bilik Darjah Yang Berkesa*. Utusan Malaysia 27.06.2012
- Viadero, D., (2000). *Lags in Minority Achievement Defy Traditional Explanations*. Education Week, March 22, 2000.
- Viadero, D., (2009). Scholars Probe Diverse Effects of Exit Exams. Education Week, April 29, 2009.
- Wasli, E. (2013). *Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Pembelajaran penulisan Ilmiah: Tinjauan Dari Aspek Kemahiran Dan persepsi Pelajar*. Atas talian : https://www.academia.edu/4681020/Aplikasi_Teknologi_Maklumat_dalam_Penulisan_Ilmiah
- Yahaya, A. & Abdul Razak, S. (2010). Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran Dan Baharuddin, A. H. (1989). *Kaedah Kuantitatif Suatu Pengenalan*. Terbitan

Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur ISBN 983-62-0628-0

- Yahaya, A. & Aliju, A. J. (2010). Teori-Teori Tingkah Laku Negatif. Artikel. 10389/1/29.9 Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Yahaya, A. & Omar, M. H. (2010). Masalah Rakan Sebaya. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, A. & Yahaya, N. & Hj. Bacho, J. J. @ D. J. (2010). Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. Jurnal_Master 118/1/1. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia ,Universiti Teknologi Mara (Melaka).
- Yahaya, A., Suboh, A., Zakariya, Z., Yahya, Z. (2005). Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan. Terbitan PTS Professional Sdn Bhd ISBN 983-3376-01-0
- Yamin, S. & Masek, A. (2013). *Statistik Dalam Penyelidikan Berbantu SPSS*. Penerbit UTHM.